

'Sikap terbuka tak wajar disdlah guna'

Oleh Azman Zakaria

KUALA LUMPUR: Pelbagai pihak berpendapat tiada tindakan dikenakan ke atas Ahli Parlimen Kota Bharu, Datuk Zaid Ibrahim yang mengkritik Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, mengambarkannya Umno bersikap terbuka dalam menerima kritikan, tetapi keterbukaan itu mempunyai batas yang tidak harus disalah guna.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, berkata kritikan mesti dibuat dengan berhati-hati dan membina, bukannya disebabkan kekecewaan atau rasa tidak puas hati terhadap sesuatu perkara.

"Keterbukaan ini jelas menunjukkan Perdana Menteri dan Timbalannya, Datuk Seri Najib Razak memberi ruang kepada Ahli Parlimen daripada Barisan Nasional (BN) membuat kenyataan.

"Walaupun, boleh mengkritik kerajaan tetapi kritikan dibuat Zaid sebenarnya tidak berapa tepat, Beliau patut memahami pendekatan ke-

pemimpinan Perdana Menteri sekarang berbeza dengan semua Perdana Menteri terdahulu," katanya.

Mohd Ali yang juga Ketua Menteri Melaka; berkata kritikan Zaid itu sama sekali tidak menggarhbarkan Abdullah hilang kawalan terhadap kepimpinannya kerana jika tidak, Perdana Menteri tidak dapat ke luar negara menjalankan tugas seperti sekarang dan meninggalkan urusan pentadbiran Hegara kepada timbalannya.

Kelmarin, Najib yang juga Ketua Whip Parlimen, berkata kerajaan tidak akan mengambill tihdakan terhadap Zaid asalkan beliau tidak melakukan sesuatu yang menyalahi peraturan Parlimen dan whip.

Sebelum itu, Zaid mendakwa Perdana Menteri tidak membawa perubahan dijanjikan sejak memegang jawatan itu tiga tahun lalu.

Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata Zaid sebagai Ahli Parlimen boleh membuat kenyataan tetapi secara realitinya apa yang diperkatakannya itu tidak tepat.

"Dia sepatutnya mempertahankan kerajaan bukan mengkritik Perdana Menteri... seolah-olah dia ada menyimpan sesuatu apabila mengkritik secara terbuka.

"Tidak wajar buat kritikan negatif, terutama terhadap kepemimpinan parti sendiri. Tak wajar membuat penilaian terhadap Perdana Menteri yang baru menerajui kerajaan dalam masa yang agak singkat," katanya.

Veteran Umno, Tan Sri Aishah Ghani, berkata apa dinyatakan Zaid itu perlu dilihat dalam konteks yang baik sebagai satu bentuk peringatan.

"Tidak bermakna beliau bangkang, cuma beliau menyatakan pandangan supaya ia diteliti. Umno mengamalkan tolak ansur dan keterbukaan. Beliau bercakap dalam Parlimen dan ada imuniti asalkan tidak menghassut dan menimbulkan perpecahan," katanya.

Ketua Penerangan Pemuda Umno, Datuk Azimi Daim, berkata walaupun boleh mengkritik, ia tidak bermakna peluang itu boleh digunakan sewenang-wenangnya sehingga memper-

tikai kepemimpinan tertinggi parti.

"Jangan mengkritik semata-mata untuk memenuhi kepentingan sesuatu kelompok atau tunjukkan kepada rakyat kita berjuang, sedangkan apa kita kritik itu tidak sampai ke mana,

"Jika sewenang-wenangnya mengkritik kerajaan, mereka mengkritik dasar yang sebenarnya datang daripada mereka sendiri," katanya.

Presiden Yayasan Kajian dan Strategi Melayu, Datuk Dr Mohd Radzi. Abdul Latif, berkata tiada tindakan ke atas Zaid itu mengambarkannya kepemimpinan memberi ruang kepada Ahli Parlimen memberi pandangan mengikut persepsi masing-masing selagi tidak melanggar peraturan.

Bagaimanapun, katanya, semua mesti bersatu apabila menghadapi cabaran seperti ketika pilihan raya.

Katanya, dakwaan Zaid itu tidak berasas kerana banyak perkara yang terkandung dalam manifesto BN pada pilihan raya umum lalu sudah mula dilaksanakan tetapi sebahagiannya memerlukan jangka masa panjang untuk proses pelaksanaan itu.